



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
HOUSE OF REPRESENTATIVES

PARLIMEN KELIMA
Fifth Parliament

PENGGAL KETIGA
Third Session

KANDUNGANNYA

USUL-USUL:

Rancangan Malaysia Keempat, 1981-1985 [Ruangan 1089]
Penangguhan Mesyuarat [Ruangan 1110]

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Jumaat, 27hb Mac, 1981

Mesyuarat dimulakan pada pukul 4.30 petang

DOA

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan*
Mesyuarat)

USUL-USUL

RANCANGAN MALAYSIA
KEEMPAT 1981-1985

Tuan Yang di-Pertua: Dipersilakan Yang
Amat Berhormat Dato Perdana Menteri.

4.35 ptg.

Perdana Menteri (Dato Hussein Onn): Tuan Yang di-Pertua, saya berdiri di hadapan sidang Dewan yang mulia ini untuk mengemukakan satu usul atas nama saya yang berbunyi:

“Bahawa Dewan ini

mengambil perhatian atas kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai dalam pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru dalam tempoh 10 tahun yang lalu;

bersetuju dengan usaha-usaha Kerajaan seterusnya untuk mencapai tujuan utama perpaduan negara melalui pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat Malaysia serta memperkukuhkan lagi ketahanan negara;

meluluskan Rancangan Malaysia Keempat, yang telah dirangka dengan teliti untuk memenuhi cita-cita dan hasrat negara berasaskan kepada matlamat Dasar Ekonomi Baru melalui pelaksanaan usaha-usaha dan program-program pembangunan seperti yang dibentangkan dalam Kertas Perintah No. 10 tahun 1981; dan

seterusnya menyeru semua rakyat Malaysia dari semua lapisan supaya terus meningkatkan usaha dan sumbangan mereka untuk membentuk satu Negara yang bersatupadu, saksama, maju, kukuh dan aman damai selaras dengan objektif Rukunegara.”

Tuan Yang di-Pertua, saya bersyukur kepada Allah Subhanahu Wata'ala kerana, dengan limpah kurnia dan izinNYA, dapat saya membentangkan Rancangan Malaysia Keempat ini. Saya mengambil peluang ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada semua rakyat, dari semua kaum dan lapisan, yang telah mendoakan kejayaan pembedahan ke atas saya dan di atas keselamatan serta kesihatan saya.

Tuan Yang di-Pertua, setiap detik sejarah yang kita lalui telah menambah pengalaman dan kematangan kita dalam menempa masa depan negara. Peristiwa 13 Mei, 1969 adalah satu peristiwa yang membawa perubahan dalam perkembangan dasar negara kita. Dasar Ekonomi Baru yang dirumuskan berasaskan pengalaman peristiwa itu adalah bertujuan untuk membina negara Malaysia yang makmur, aman, kukuh dan bersatupadu. Dasar Ekonomi Baru telah diterima dan disokong oleh semua pihak, golongan dan lapisan. Pelaksanaannya telah berjalan dengan lancarnya di bawah Rancangan-Rancangan Malaysia Kedua dan Ketiga. Sebagaimana yang dapat dilihat daripada dokumen Rancangan Malaysia Keempat yang dibentangkan dalam Dewan ini, faedah daripada pelaksanaan Dasar ini telah dapat dinikmati oleh keseluruhan rakyat. Ini tidak boleh dinafikan dan tidak harus diragui.

Kemajuan yang dicapai adalah hasil usaha dan titik-peluh semua pihak, kami di dalam Kerajaan merasa bangga dengan kemajuan

yang kita perolehi itu. Saya, bagi pihak Kerajaan, mengucapkan terima kasih dan penghargaan kepada semua pihak yang telah sama-sama memikul beban dan tanggungjawab yang berat bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru setakat ini.

Tuan Yang di-Pertua, benarkan saya membentangkan secara ringkas di antara kejayaan-kejayaan kita dalam tempoh 10 tahun yang lalu.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua ekonomi negara kita telah berkembang pada kadar 7 peratus setahun. Kadar ini telah meningkat kepada 8.6 peratus setahun bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat daripada \$12,308 juta dalam tahun 1970 kepada \$26,188 juta dalam tahun 1980. Pertambahan ini adalah lebih daripada dua-kali ganda berdasarkan harga tahun 1970.

Usaha-usaha pembangunan kita telah membawa kepada perubahan struktur ekonomi negara. Dalam bidang pekerjaan, lebih tenaga buruh dalam tahun 1970 telah berubah kepada kedudukan kekurangan tenaga buruh di dalam lapangan-lapangan tertentu. Lebih kurang 1.7 juta pekerjaan telah diwujudkan dalam tempoh sepuluh tahun yang lalu. Kadar pengangguran telah jatuh daripada 7.8 peratus dalam tahun 1970 kepada 5.3 peratus dalam tahun 1980.

Perubahan struktur ekonomi telah membawa perubahan-perubahan tertentu kepada struktur pengeluaran, pekerjaan dan eksport. Sektor-sektor moden seperti sektor pembinaan, pembuatan, pengangkutan dan perhubungan telah berkembang dengan pesatnya. Sektor pembuatan telah berkembang pada kadar yang paling tinggi sekali dan telah mencatat pertumbuhan sebenar pada kadar 12.5 peratus setahun. Sumbangan sektor pembuatan kepada pengeluaran negara telah meningkat daripada 13.4 peratus dalam tahun 1970 kepada 20.5 peratus dalam tahun 1980. Sektor ini telah dapat mewujudkan lebih kurang 25 peratus daripada jumlah semua pekerjaan baru dalam tempoh ini. Kemajuan-kemajuan yang memuaskan juga telah dicapai dalam perusahaan perkhidmatan terutama sekali dalam bidang bank dan kewangan.

Kemajuan dalam usaha-usaha membasmi kemiskinan adalah menggalakkan. Pelaksanaan program-program tertentu serta perkembangan ekonomi yang pesat dan harga yang baik bagi barangan eksport kita telah berjaya mengurangkan kadar kemiskinan secara keseluruhannya daripada 49.3 peratus dalam tahun 1970 kepada 29.2 peratus dalam tahun 1980. Kadar kemiskinan bagi sektor luar bandar telah jatuh daripada 59 peratus dalam tahun 1970 kepada 38 peratus dalam tahun 1980. Kadar kemiskinan bagi kawasan bandar telah turun daripada 21 peratus kepada 13 peratus.

Kemajuan yang menggalakkan juga telah dicapai dalam usaha menyusun semula masyarakat. Pendapatan purata mutlak bagi semua kaum telah bertambah. Pendapatan purata kaum Melayu dan Bumiputera yang lain telah menunjukkan pertambahan yang tinggi walaupun masih di bawah kadar purata negara keseluruhan. Penyertaan kaum Melayu dan Bumiputera yang lain dalam bidang pekerjaan, khususnya di peringkat pengurusan, teknikal dan mahir, telah bertambah.

Dalam bidang pemilikan saham, milik saham individu Bumiputera dan agensi amanah di dalam sektor syarikat telah bertambah daripada 4.3 peratus dalam tahun 1971 kepada 12.4 peratus dalam tahun 1980. Dalam tempoh yang sama, milikan bukan Bumiputera telah bertambah daripada 34 peratus kepada 40 peratus. Saham milikan asing telah berkurangan daripada 61.7 peratus kepada 47.5 peratus.

Dalam tempoh sepuluh tahun pertama pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru kita telah berjaya meletakkan asas-asas yang kukuh di dalam membina sebuah negara yang makmur, adil dan bersatu padu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara-perkara yang terkandung di dalam Rancangan Malaysia Keempat adalah luas. Saya akan cuma menyentuh beberapa aspek sahaja. Y.A.B. Timbalan Perdana Menteri, dalam menyokong usul Rancangan ini, akan menghuraikannya dengan cara lebih menyeluruh lagi.

Rancangan Malaysia Keempat adalah dirangka berpandukan kepada pengalaman-pengalaman kita dalam melaksanakan rancangan-rancangan pembangunan yang lalu. Kita mempunyai kemampuan dan sumber-sumber yang perlu bagi membangunkan negara kita dengan lebih pesat lagi. Untuk mencapai matlamat-matlamat sosio ekonomi kita semua sumber-sumber yang terdapat di negara ini mestilah digunakan dengan penuh kecekapan dan dengan cara yang efisien. Rancangan Malaysia Keempat menekankan aspek ini. Modal, tenaga manusia, teknologi dan lain-lain akan digunakan dengan lebih berkesan.

Suasana ekonomi antarabangsa adalah salah satu perkara yang membimbangkan kita. Kadar inflasi yang tinggi dan pertumbuhan ekonomi yang lembab di negara-negara maju boleh mendatangkan kesan-kesan yang tidak sihat kepada ekonomi kita. Memandangkan kepada keadaan ini, kita mestilah terus berusaha mempelbagai dan mengukuhkan lagi ekonomi kita, menggunakan sepenuhnya peluang-peluang pasaran luar negeri, dan meningkatkan permintaan dalam negeri bagi barang-barang keluaran tempatan.

Kemampuan kita untuk mempertahankan negara dan memelihara keselamatan juga perlu ditingkatkan. Pembangunan sosio-ekonomi dan keselamatan negara adalah berkaitan rapat dan kedua-duanya adalah bantu-membantu. Oleh itu adalah wajar bagi kita untuk memberi perhatian yang seimbang terhadap keperluan pertahanan dan keselamatan negara.

Rancangan Malaysia Keempat adalah lebih besar daripada Rancangan Malaysia Ketiga. Peruntukan bagi sektor awam, yang berjumlah hampir 43 ribu juta ringgit merupakan jumlah peruntukan yang terbesar yang pernah dibuat. Hampir 58 peratus daripada jumlah ini akan diperbelanjakan bagi pembangunan sektor ekonomi.

Keutamaan yang tinggi adalah diberi kepada pembangunan pertanian. Rancangan-rancangan dalam sektor pertanian adalah meliputi pembukaan kawasan tanah baru dan peningkatan program pembangunan pertanian secara berpadu, pembekalan

pengairan, penanaman semula, pemulihan serta penyatuan kebun-kebun kecil. Program-program bagi mempelbagaikan pertanian dan tanaman sulaman akan ditingkatkan. Demikian juga program-program penyelidikan, pinjaman, perkhidmatan luar, memproses dan pemasaran akan diperluaskan.

Program-program bagi penyusunan semula masyarakat diberi peruntukan berjumlah \$4,398 juta. Usaha-usaha bagi menambah penyertaan bumiputera di dalam lapangan perniagaan dan perindustrian akan ditingkatkan lagi melalui kemudahan pinjaman, bantuan teknik dan program pembangunan usahawan.

Kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti rangkaian lebuhraya, pembinaan jalan-jalan baru di kawasan-kawasan pembangunan, perkhidmatan keretapi, pelabuhan, lapangan terbang dan telekom akan diperbesar dan dimodenkan. Beberapa projek bekalan tenaga letrik menggunakan kuasa haidero dan thermal akan dilaksanakan.

Rancangan Malaysia Keempat merupakan permulaan di dalam pembangunan industri-industri berat di dalam program pembangunan perusahaan negara kita. Dalam usaha ini sebuah perbadanan industri berat (Heavy Industries Corporation) yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan telah ditubuhkan. Di samping itu bagi menjamin pembangunan perindustrian yang lebih pesat, perusahaan-perusahaan kecil dan sederhana yang akan menampung perusahaan berat akan digalakkan.

Di dalam bidang perkhidmatan sosial, kemudahan pelajaran dan latihan akan diperluas dan ditingkatkan lagi untuk menampung pertambahan kemasukan terutamanya di peringkat menengah, lepasan menengah dan peringkat tinggi. Ini juga adalah untuk memenuhi permintaan yang bertambah bagi tenaga pekerja dalam bidang-bidang sains, teknik dan kemahiran. Di samping itu perkhidmatan kesihatan kepada penduduk-penduduk di kawasan kurang maju, kawasan yang mendapat perkhidmatan yang kurang, dan kawasan-kawasan yang belum menerima perkhidmatan, akan ditingkatkan lagi.

Mutu kehidupan masyarakat di bandar dan luar bandar akan diperbaiki lagi. Kerajaan akan melaksanakan program-program perumahan kos rendah bagi keperluan kumpulan pendapatan rendah.

Pertahanan dan keselamatan dalam negeri telah diberi keutamaan yang lebih dengan mendapt peruntukan \$9,371.5 juta atau 23.8 peratus daripada jumlah peruntukan. Jumlah ini adalah lebih besar daripada peruntukan yang pernah dibuat di dalam rancangan-rancangan pembangunan yang lalu.

Jumlah keseluruhan pelaburan yang diperlukan bagi Rancangan ini ialah \$102,639 juta. 72 peratus daripada jumlah ini adalah diharapkan daripada sektor swasta. Ini berbanding dengan 63 peratus bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketiga.

Peranan sektor swasta yang besar ini menunjukkan kepercayaan Kerajaan kepada kemampuan sektor ini untuk membuat sumbangan di dalam pembangunan negara. Adalah menjadi tujuan dan hasrat Kerajaan supaya sektor swasta, pengusaha tempatan dan asing, sama-sama memikul bebanan dan tanggungjawab bagi mencapai matlamat-matlamat sosio-ekonomi negara.

Matlamat pelaburan bagi sektor swasta, walaupun tinggi, adalah wajar memandang kepada peluang-peluang yang akan terbuka dengan banyaknya dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat. Di antaranya ialah peluang-peluang pelaburan di dalam sektor pembinaan dan pembuatan dan dalam memajukan sumber-sumber minyak dan gas asli.

Tuan Yang di-Pertua, dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat, kita akan maju setapak lagi dalam usaha-usaha kita untuk meningkatkan kemakmuran dan mengukuhkan perpaduan negara. Segala usaha kita, saya tegaskan, ialah untuk menempa masa depan yang cerah dan cemerlang bagi negara dan rakyat Malaysia. Kita meletakkan perpaduan negara dan kepentingan negara di atas kepentingan-kepentingan yang lain.

Kita seharusnya bersyukur di atas segala limpah kurnia dan rahmat Allah Subhanahu Wata'ala yang tidak putus-putus kepada negara dan kita semua. Dengan keinsafan

inilah juga hendaknya kita semua memberi dan menumpukan khidmat dan sumbangan kita demi kepentingan negara dan masa depan kita. Susah-payah, titikpeluh dan pengorbanan kita tidak boleh diukur hanya dengan faedah kepada kita, jenerasi sekarang sahaja. Yang lebih penting ialah sumbangan dan warisan yang kita tinggalkan untuk jenerasi akan datang.

Kestabilan negara adalah faktor utama yang memberi sumbangan terhadap prestasi kita yang baik setakat ini. Sikap haloba dan keterlaluan oleh mana-mana pihak, tanpa memberi perkiraan kepada bahaya akibat daripada sifat-sifat ini, boleh menjejaskan dan menghancurkan kemakmuran dan kesejahteraan yang kita nikmati.

Konsep pembangunan kita adalah pembangunan sepadu. Pembangunan jasmani dan rohani pada hakikatnya adalah satu; kedua-duanya sama pentingnya. Malahan pembangunan rohanilah sebenarnya yang menjadi daya penggerak dan memberi makna kepada keseluruhan pembangunan. Oleh kerana pembangunan rohani merupakan aspek yang lebih abstract, usaha-usaha kita telah dianggap oleh setengah-setengah pihak seolah-olah usaha-usaha ke arah pembangunan kebendaan sahaja. Anggapan ini adalah tidak tepat. Segala usaha kita, Rancangan Malaysia Keempat dan lain-lain usaha, adalah berasaskan konsep kesepaduan yang saya sebutkan itu.

Tiap-tiap rakyat Malaysia hendaklah besama-sama mengisi hasrat ke arah pembangunan kita. Melalui kerjasama dan sumbangan yang positif, rakyat bukan sahaja menunaikan peranan dan tanggungjawab kepada negara malahan kepada diri mereka sendiri. Rancangan Malaysia Keempat adalah rancangan ke arah kemakmuran, perpaduan dan kesejahteraan. Ia adalah rancangan pembangunan untuk semua.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan (*Tepuk*).

5.00 ptg.

Timbalan Perdana Menteri (Dato Seri Dr Mahathir bin Mohamad): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong usul Rancangan Malaysia Keempat yang baru sahaja dibentangkan kepada Dewan ini oleh

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Saya percaya Ahli-ahli Yang Berhormat akan bangun menyuarakan sokongan mereka yang penuh dan jujur atas usul Kerajaan ini, dan seterusnya, membawa segala lapisan masyarakat ke arah pelaksanaan Rancangan Malaysia Keempat (RME) dan mencatat satu lagi sejarah yang cemerlang.

Seperti yang disebutkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sebentar tadi, RME ini telah dibentuk dengan berdasarkan kepada keteguhan ekonomi dan pengalaman yang telah dicapai dalam tempoh 10 tahun terlaksananya Dasar Ekonomi Baru (DEB). Kita telah berjaya mengadakan perubahan kepada struktur ekonomi negara dan membahagikan faedah-faedahnya supaya dinikmati keseluruh negara. Dari pembangunan ini dapat kita lihat satu negara yang penuh dengan kegiatan-kegiatan yang pesat berpuncakan dari sektor-sektor pertanian, pembuatan dan pembinaan yang sangat maju dan keadaan ini terdapat di segenap pelusuk di negara, dari Kedah dan Perlis di utara, hinggalah ke negeri-negeri di Pantai Timur serta Sabah dan Sarawak, yang juga tidak jauh di belakang, dengan sumber-sumber perhutanan dan tanah yang kaya serta petrolium.

Pembangunan yang begitu pesat ini telah juga dilaksanakan dalam keadaan yang stabil. Dengan cara bantuan dan dasar-dasar kewangan dan fiskal, kita telah dapat membendung keadaan inflasi pada kadar yang kurang dari 10 peratus. Ini adalah berbeza dari pengalaman negara-negara yang lebih maju yang telah mengalami kadar inflasi yang lebih tinggi. Kedudukan ekonomi dan kewangan kita terus kukuh dan keadaan ini pernah dialu-alukan oleh agensi-agensi antarabangsa seperti Tabung Kewangan Antarabangsa atau IMF dan Bank Dunia. Pendapat ini adalah juga diakui oleh bank saudagar dan pengulas-pengulas politik dan ekonomi di luar negeri. Tujuan kita adalah untuk mengekalkan keadaan ekonomi dan iklim pelaburan yang baik, kerana ianya adalah penting bagi kita terus menarik pelaburan dan kepercayaan negara-negara lain terhadap kita.

Tuan Yang di-Pertua, sukacita saya memberi angka-angka yang lain daripada

yang disebutkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri berkenaan kemajuan dan kejayaan yang telah dicapai dalam usaha meningkatkan pendapatan dan menambah peluang pekerjaan yang ada kaitannya dengan matlamat-matlamat DEB. Dalam tempoh 10 tahun yang lalu kita dapati:

- (i) Lebihkurang 866,000 hektar kawasan baru telah dimajukan terutamanya oleh agensi-agensi sektor awam sama ada secara persendirian ataupun melalui usahasama dengan sektor swasta. Agensi-agensi pembangunan tanah Kerajaan Persekutuan telah memajukan 67 peratus daripada jumlah keseluruhannya dan telah berjaya menempatkan lebihkurang 67,900 keluarga di dalam rancangan-rancangan tanahnya.
- (ii) Kira-kira 373,300 hektar kawasan telah mendapat kemudahan pengairan bagi membolehkan penanaman padi sekali dan dua kali setahun. Lebih daripada 300,000 hektar tanah telah ditanam semula dengan getah, kelapa, nenas dan lain-lain jenis tanaman dan lebihkurang 59,000 hektar kawasan pertanian telah dipulihkan sama ada melalui cara-cara pertanian moden ataupun pembekalan kemudahan asas, infrastruktur dan perkhidmatan-perkhidmatan bantuan. Dalam melaksanakan projek-projek ini semua rakyat telah mendapat nikmat darinya secara langsung dan tidak langsung sebagai kontraktor, pengedar barang-barang ataupun tuan punya tanah dan pekerja-pekerja biasa.
- (iii) Sejumlah 76 kawasan perusahaan dengan keluasan 9,650 hektar telah dimajukan dengan mengadakan kemudahan-kemudahan infrastruktur. Sejumlah 2,422 hektar ialah di negeri-negeri yang kurang maju seperti Kedah, Pahang, Kelantan, Trengganu, Sabah dan Sarawak. Dengan adanya kawasan-kawasan seperti ini usaha-usaha pelaburan dalam berbagai bidang pembuatan telah terhasil seperti kilang-kilang membuat kain, elektronik, perabut dan lain yang memerlukan pekerja yang banyak.

- (iv) Kira-kira 22,670 kilometer jalan di Semenanjung Malaysia, 4,020 kilometer di Sabah dan 2,720 kilometer di Sarawak telah dibina atau diperbaiki. Ini meliputi jalan-jalan luarbandar jalan-jalan sampingan dan juga lebuhraya. Program-program besar bagi membina atau memperbesarkan pelabuhan-pelabuhan, perkhidmatan keretapi dan lapangan terbang dan lain-lain kemudahan lalulintas udara dan laut telah dilaksanakan.
- (v) Di Semenanjung Malaysia, lebih kurang 790,000 keluarga luarbandar telah mendapat faedah daripada bekalan elektrik dalam tahun 1980. Ini adalah pertambahan lebih daripada 128.6 peratus dibandingkan dengan tahun 1970. Disamping itu, pada tahun 1980 lebihkurang 8.5 juta penduduk telah mendapat faedah daripada rancangan pembekalan air. Pertambahan bagi Semenanjung Malaysia ialah daripada 83 peratus dalam tahun 1970 kepada 91 peratus dalam tahun 1980 bagi kawasan bandar dan daripada 39 peratus kepada 47 peratus bagi kawasan luarbandar.
- (vi) Sejumlah 744,000 unit rumah telah dibina. Jumlah yang dibina oleh sektor awam ialah 207,586 unit. Sebahagian daripada program perumahan oleh sektor awam ialah bagi kumpulan pendapatan rendah dan sederhana.
- (vii) Perkhidmatan kesihatan di bandar dan luarbandar telah diperluaskan dan pengawalan penyakit-penyakit berjangkit juga telah ditingkatkan.
- (viii) Perkhidmatan dan kemudahan pelajaran telah diperluaskan serta mutunya diperbaiki. Jumlah kemasukan diperingkat pelajaran rendah telah bertambah 19.5 peratus dan bagi pelajaran menengah sebanyak 98 peratus. Kemasukan di sekolah-sekolah vokesyenal pula bertambah sebanyak 327 peratus. Angka-angka ini sangatlah menarik dan menunjukkan perubahan dalam susunan pelajaran di negara kita yang selaras dengan pembangunan dan keperluan negara. Pertambahan kemasukan di peringkat

tinggi ialah 235 peratus dengan kemasukan di dalam bidang-bidang sains dan teknik bertambah 312 peratus selaras dengan permintaan tenaga manusia yang bertambah bagi bidang-bidang ini.

Tuan Yang di-Pertua, Rancangan Malaysia Keempat adalah yang terbesar sekali pernah dibuat dari segi jumlah pelaburan dan perbelanjaan sektor awam, iaitu dari jumlah \$102.6 ribu juta bahagian sektor awam ialah sebanyak \$28.5 ribu juta. Tujuannya yang utama ialah bagi mengadakan dorongan yang lebih kuat lagi untuk pelaksanaan DEB dalam dekad kedua serta memandangkan kepada keadaan ekonomi antarabangsa yang masih lagi dalam keadaan merosot. Dengan demikian, amatlah perlu supaya strategi pembangunan kita ditujukan untuk memperkukuhkan lagi keadaan ekonomi dalam negeri yang masih mempunyai punca-punca dan peluang-peluang pelaburan-pelaburan dan pengeluaran yang baik. Khususnya, RME mempunyai asas-asas strategi yang teguh dan berani sesuai dengan keperluan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membentangkan seterusnya perkara-perkara yang dianggap penting untuk mendapat perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam membincangkan RME di Dewan ini.

Dalam tempoh RME ini Kerajaan akan terus mempergiatkan program-program pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Sungguhpun banyak kejayaan telah dicapai dalam usaha pembasmian kemiskinan, usaha-usaha akan ditumpukan kepada memperbaiki keadaan rakyat yang masih lagi dalam peringkat miskin yang terdapat di kalangan pekebun-pekebun kecil, kumpulan-kumpulan nelayan di perairan pantai di negeri-negeri Pantai Timur dan di Sarawak dan Sabah serta pekerja-pekerja lain yang mempunyai tingkat pendapatan yang masih lebih rendah dari paras kemiskinan. Masalah dan program membasmi kemiskinan yang tidak mengira kaum akan diutamakan. Di kalangan isirumah-isirumah miskin di bandar didapati juga keadaan yang rumit terutama dari segi perumahan dan kos pengangkutan yang tinggi dan ada rancangan yang tertentu baginya.

Di bawah Rancangan ini, kita telah membuat peruntukan yang besar iaitu berjumlah \$9,319 juta untuk membolehkan kegunaan tenaga yang penuh dan pendapatan yang lebih baik serta rancangan perumahan bagi kumpulan-kumpulan yang berpendapatan rendah.

Usaha-usaha untuk menyusun semula masyarakat akan dipesatkan dengan peruntukan sebanyak \$4,398 juta, iaitu selain dari usaha-usaha pihak swasta yang juga diperlukan.

Pada masa yang sama, sebagaimana yang telah diumumkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri, Kerajaan akan memulakan proses pemindahan hakmilik ekuiti yang pada masa ini dipegang secara amanah oleh agensi-agensi Kerajaan kepada orang-orang Melayu dan Bumiputra yang lain supaya mereka, secara perseorangan, akan menikmati faedah dari perkembangan ekonomi.

Langkah ini adalah juga memenuhi janji-janji yang telah dibuat pada mulanya terbentuk DEB iaitu masyarakat Bumiputra akan bersama menikmati pertumbuhan di sektor syarikat. Ini adalah satu langkah yang bersejarah dan saya harap kaum Bumiputra akan mengambil peluang ini dan menyertai dalam skim pelaburan Amanah Saham Nasional untuk kebaikan mereka dan anak-anak mereka.

Sungguhpun program ini adalah untuk Bumiputra sahaja, rakyat Malaysia yang lain mempunyai peluang yang tertentu bagi melabur seperti di bidang pembuatan, binaan, persendirian dan perkhidmatan yang sentiasa berkembang. Tidak ada yang mesti diragu-ragukan kerana konsep penyusunan semula ini telah diterima oleh rakyat dan penganjur-penganjur mereka dan rancangan ini sebenarnya ialah satu usaha ke arah perpaduan.

Pada masa yang sama, sektor swasta akan memainkan peranan mereka dengan menyediakan lebih banyak lagi peluang-peluang pekerjaan yang juga akan terbuka kepada bumiputra yang berkelayakan terutamanya di peringkat pengurusan serta penyertaan ekuiti dalam usahasama. Peluang-peluang ini mestilah diambil dan saya

berpendapat bahawa kaum Bumiputra, pada masa ini, patutnya telah mempunyai pengalaman yang cukup untuk menyedari bahawa kemajuan-kemajuan hanya akan diperolehi melalui usaha sendiri yang bersungguh-sungguh. Patut diingati bahawa peluang-peluang melabur dan pekerjaan bagi rakyat Malaysia seluruhnya senantiasa berkembang dan DEB seperti yang kita telah amali, selama 10 tahun yang lalu, tidak bermakna menghampakan periuk nasi mereka yang ingin bekerja dengan kuat dan tekun.

Tuan Yang di-Pertua, dengan tujuan menambah dan memperbaiki lagi keperluan infrastruktur supaya nikmatnya dapat dirasakan oleh rakyat dan bagi mendorong pelaburan pada amnya, satu jumlah yang besar iaitu \$5,639.6 juta atau 14.4 peratus adalah diperuntukkan untuk membina jalanraya dan jalan-jalan yang lain yang perlu bagi pembangunan tanah dan sebagainya, membina pelabuhan-pelabuhan lapangan-terbang, telekom dan lain-lain sistem perhubungan. Projek-projek haidro yang besar seperti di Trengganu, Perak, Sabah dan Sarawak akan juga dimulakan di samping beberapa projek mini haidro yang akan dapat menambah pengeluaran tenaga dari sumber-sumber yang ada pada kita. Ini bukan sahaja akan dapat membekalkan kuasa letrik kepada kampung-kampung di luarbandar, akan tetapi adalah cara mengurangkan penggantungan kepada minyak.

Beberapa projek membina jalan-jalan raya akan diusahakan oleh Perbadanan Lebuhraya yang baru sahaja ditubuhkan. Projek-projek seperti pembinaan Jambatan Pulau Pinang dan lebuhraya dari Bukit Kayu Hitam di Kedah ke Johor Bahru adalah di peringkat pelaksanaan dan sebahagian daripadanya mungkin dapat disiapkan dalam tempoh RME ini.

Tumpuan akan diberikan kepada program kesihatan utama seperti perkhidmatan rawatan pesakit, kesihatan awam, kependudukan dan kesihatan pergigian. 25 buah hospital daerah dan 3 buah hospital besar akan dibina. Ini termasuk Pusat Pengajian Sains Perubatan yang akan dibina

di Kubang Krian dan akan mula mengambil penuntut pertama dalam tahun akademik 1981/1982.

Program bekalan air bertujuan untuk menyampaikan bekalan air bersih kepada 73.1% dari jumlah penduduk menjelang tahun 1985. Selain dari projek-projek yang telah dimulakan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, projek-projek baru air termasuk skim bekalan air Dinding, Kuantan, Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau.

Selain dari tanah, perhutanan dan petrolium yang merupakan sumber asli negara kita, kita mempunyai gunatenaga manusia yang besar. Ia mungkin merupakan kekayaan kita yang terbesar bagi usaha membina dan membangunkan negara. Kita perlu menumpukan perhatian untuk menggunakan sumber-sumber ini dengan sepenuhnya. Oleh itu kemudahan-kemudahan pelajaran akan diperluaskan, mutu pelajaran diperbaiki lagi sejajar dengan Laporan Perlaksanaan Dasar Pelajaran. Untuk memenuhi permintaan bagi kakitangan mahir yang semakin bertambah, kita akan membina dan menyediakan lebih banyak lagi kemudahan-kemudahan latihan teknikal. Peruntukan bagi pelajaran dan latihan adalah berjumlah \$2,992.8 juta atau 7.6 peratus dari jumlah peruntukan. Tujuannya ialah untuk menyediakan pekerja-pekerja yang terlatih yang diperlukan di sektor industri dan binaan.

Satu skim untuk membantu sektor pembinaan untuk melatih pekerja-pekerja mahir telah dimulakan oleh sektor swasta dan saya berharap inisiatif pihak swasta ini akan dapat dipergiatkan lagi untuk menambahkan daya pengeluaran pekerja-pekerja dalam bidang pertanian, pembuatan dan industri perkhidmatan, industri kecil, pertengahan dan industri berat atau projek-projek yang menggunakan lebih banyak modal. Dengan cara-cara baru dan melalui pertambahan dalam daya pengeluaran dan kecekapan dapatlah negara kita bertanding dalam sistem pemasaran antarabangsa.

Dalam RME ini, usaha-usaha mendorong pembangunan negeri-negeri yang kurang maju seperti Kelantan, Trengganu, Perlis, Kedah, Sabah dan Sarawak akan diteruskan.

Usaha yang dibuat dalam Rancangan Malaysia Ketiga telah memberi kesannya dan dengan adanya usaha dan tumpuan perancangan di peringkat negeri, yang lebih baik, maka dapatlah difahami akan masalah di negeri dan cara-cara memperbaikinya.

Ahli-ahli Yang Berhormat akan dapat memerhatikan usaha-usaha yang besar dan, yang sengaja dibuat untuk membangun satu-satu negeri atau kawasan dengan bertujuan jangka panjang. Penempatan supply base di Cukai, Kemaman dan kilang penapis minyak di Kerteh, Trengganu misalnya, dan dengan itu juga kemudahan-kemudahan infrastruktur dan perumahan bagi pegawai-pegawai Petronas dan Exxon yang akan dibina, sama ada oleh Kerajaan atau swasta, akan memberi hasrat yang baru dan ternyata kepada umum.

Begitu juga, dengan beberapa projek yang lain, di Tanjung Keling, Melaka, Lumut, Gua Musang, Bintulu, Ranau dan beberapa kawasan perindustrian, tempat-tempat latihan dan kampus universiti-universiti dan sebagainya, yang dengan secara tidak langsung akan memberi kesan kepada pembangunan negeri-negeri yang berkenaan.

Penubuhan badan-badan seperti KEJORA, KESEDAR, DARA dan Lembaga Kemajuan wilayah Kedah yang baru dilancarkan bagi kawasan selain daripada MADA, adalah juga bertujuan mempercepatkan lagi pembangunan di peringkat negeri dan daerah. Dengan ini juga, proses perbandaran atau urbanisasi akan berjalan dengan lebih teratur dan akan dapat mengurangkan penghijrahan terutama sekali di kalangan belia kepada pekan-pekan yang terbesar seperti Kuala Lumpur ataupun Johor Bahru yang kita dapati sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, dalam RME ini, usaha-usaha memperbesarkan lagi bidang pembuatan akan terus dijalankan dengan tujuan mencapai matlamat sebanyak 24 peratus dari keluaran negara dalam tahun 1985. Kita percaya peluang-peluang melabur dan mengadakan pekerjaan yang cukup masih boleh didapati dalam bidang pembuatan dengan menggunakan dan memproseskan bahan-bahan tempatan serta dengan adanya pembangunan kawasan-kawasan baru yang mungkin memerlukan

barang-barang binaan dan barang-barang pengguna. Negara kita, dengan rancangan pembangunan yang besar seperti ini haruslah menempuhi sekali lagi fasa kedua usaha-usaha pembuatan untuk menemui keperluan tempatan ataupun gantian import. Terpulanglah kepada pengusaha-pengusaha dan saudagar untuk melaksanakan projek-projek yang akan menguntungkan.

Dalam usaha ini Kerajaan akan memperbaiki cara menimbang pemberian galakan tariff dan juga memberi dorongan-dorongan yang diperlukan kepada industri-industri kecil yang sedang berkembang supaya ianya akan dapat membantu proses perindustrian dengan mutu yang tinggi. Kerajaan juga akan mempergiatkan penubuhan industri-industri berat seperti besi-waja, aluminium, petro-chemical dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tujuan ini, Kerajaan telah menubuhkan satu Perbadanan Industri Berat dan peruntukannya sebanyak \$125 juta ada dimasukkan ke dalam RME ini. Ini tidaklah bermakna yang Kerajaan hendak bersaing dengan pihak swasta. Yang dimaksudkan ialah bagi projek-projek yang memerlukan modal yang banyak dan risiko pelaburan yang tinggi, dan bagi projek-projek ini selalunya sangat sukar bagi pihak swasta menjalankannya dalam masa atau jadual yang dikehendaki.

Oleh yang demikian, ada kemungkinan peluang yang baik seperti ini akan terlepas sahaja. Tujuan Kerajaan dengan penubuhan Perbadanan ini ialah untuk membolehkan penubuhan industri-industri yang mempunyai teknologi yang tinggi dan moden serta saluran pemasaran yang terjamin bersama-sama dengan kegiatan-kegiatan pembuatan yang lain. Langkah ini patutlah dialu-alukan oleh sektor swasta dan tidak ada masa asas bagi apa-apa keraguan mengenai sektor awam akan bertanding dengan pengusaha-pengusaha sektor swasta.

Saya sangat-sangat berharap supaya jangkaan-jangkaan Rancangan ini mengenai pelaburan sektor swasta, iaitu sebanyak \$74,111 juta atau 72.2 peratus, berbanding dengan 27.8 peratus dari sektor awam, akan

dapat dicapai. Saya yakin sebagai rakan yang penting sektor swasta akan memberi sumbangan kepada pengwujudan pekerjaan, daya pengeluaran dan pendapatan yang tinggi serta mendapatkan pasaran-pasaran baru bagi keluaran negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian kepada usaha-usaha pertahanan dan keselamatan dalam negeri. Kita perlu dan mesti memperkukuhkan segala keupayaan pertahanan dan keselamatan dalam negeri. Ini adalah satu rancangan untuk menghadapi sebarang kemungkinan memandangkan keadaan politik yang tidak tentu di negara-negara lain dan terutamanya, ancaman pencerobohan dan subversif yang dihadapi oleh negara-negara jiran. Saya percaya kita semua telah melihat atau membaca mengenai trajedi kesengsaraan rakyat yang tidak berdosa akibat dari politik dan pertandingan kuasa-kuasa besar di Afghanistan, Vietnam dan Kampuchea.

Oleh itu, kita mesti bersedia untuk mempertahankan kemerdekaan dan keselamatan kita dan untuk tujuan ini, peruntukan bagi pertahanan dan keselamatan dalam Rancangan ini telah ditambah dengan banyaknya, iaitu \$9,371.5 juta ataupun 23.8 peratus dari jumlah peruntukan, berbanding dengan Rancangan yang lalu, yang begitu sederhana sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, bagi melaksanakan RME yang besar ini, Kerajaan telah membuat beberapa perubahan dengan tujuan memperbaiki lagi jentera pentadbiran di segenap peringkat. Cara-cara pentadbiran yang lama akan diketepikan dan digantikan dengan peraturan-peraturan baru. Kuasa-kuasa yang patut diturunkan kepada pegawai-pegawai akan dibuat setaraf dengan tanggungannya. Cara-cara baru pengambilan tanah-tanah yang kerap kali telah melambatkan pelaksanaan projek-projek telah juga ditentukan. Jawatan-jawatan yang kosong telah banyak diisi dalam dua tahun yang lepas dan usaha-usaha melatih pegawai-pegawai dengan bidang tugas masing-masing diperhebatkan.

Kesemuanya perubahan ini telah diberi maklum kepada pegawai-pegawai tertinggi Kerajaan yang bertanggungjawab untuk

memberi pimpinan dan menentukan yang rancangan-rancangan di bawah Kementerian atau Jabatannya berjalan mengikut jadual.

Saya yakin dengan syor-syor dan perubahan ini kita akan dapat meninggikan lagi mutu pelaksanaan projek-projek di bawah RME dan dalam pelaksanaannya semua pihak hendaklah membantunya dan dengan cara ini menikmati akan segala tujuan-tujuan pembangunan ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, sempena kita melaksanakan RME dan memperteguhkan lagi keadaan ekonomi dan tujuan-tujuan asal kita, patut saya memperingatkan juga bahawa kita tidak boleh menganggap bahawa usaha-usaha membina negara dan mencapai perpaduan masyarakat yang berbilang bangsa, adalah satu tugas yang senang yang hanya dipertanggungjawabkan kepada ahli-ahli politik atau pemimpin-pemimpin politik sahaja.

Perpaduan itu juga tidak boleh dicapai dalam tempoh masa yang pendek. Kita tidak mempunyai tongkat sakti ataupun lampu ajaib kepada dunia baru yang penuh cabaran. Kemajuan ke arah perpaduan negara hanya akan dicapai melalui usaha-usaha yang ikhlas dan sungguh-sungguh oleh setiap lapisan rakyat dalam masyarakat, iaitu dalam peranan dan sikap kita sebagai pemimpin keluarga, kakitangan Kerajaan dan pengurus-pengurus syarikat, angkatan tentera, pemimpin masyarakat dan pekerja sosial, belia, ahli politik dan lain-lain.

Masa untuk kita bekerja dengan lebih gigih ke arah mencipta dan membangun identiti dan kebudayaan Malaysia yang sebenarnya tidak selalunya ada. RME melalui peruntukan dalam bidang pelajaran, sosial, perumahan, sukan dan kebudayaan dan lain-lain adalah untuk memupuk dan mengekalkan usaha-usaha perpaduan.

Yang lebih penting, pada pendapat saya, ialah perasaan di dalam hati seseorang itu sendiri yang mahukan negara ini bersatu dan progresif. Oleh yang demikian, marilah kita bersama-sama melalui Rancangan ini memperbaharui keazaman kita dan memberi makna dan erti bagi prinsip-prinsip Rukunegara sebagai asas untuk membina

satu negara yang berdisiplin dan bersatupadu.

Kita jauhilah perkara-perkara yang berbentuk ekstremis atau pengajaran dan buatan yang salah pada segi ugama, adat resam dan kebudayaan kita. Yang mesti dikekalkan, ialah seperti yang disebutkan oleh Y.A.B. Perdana Menteri sebentar tadi dalam ucapannya tadi, konsep pembangunan sepadu, iaitu pembangunan jasmani dan rohani yang kedua-duanya adalah sama penting.

Tuan Yang di-Pertua, dalam zaman perubahan yang pesat ini, adalah perlu untuk kita memainkan peranan yang aktif dan positif dalam masyarakat antarabangsa selain dari menumpukan tenaga kita ke arah pembangunan dan mengukuhkan negara kita sendiri.

Kemajuan yang telah dicapai dari segi ini telah terbukti dan saya tidak ingin menerangkan dengan panjang lebar lagi mengenai peranan kita dalam Bangsa-bangsa Bersatu, Negara-negara Berkecuali, Persidangan Islam dan persidangan-persidangan lain.

Dalam ASEAN, Malaysia merupakan negara yang aktif dan telah melaksanakan beberapa projek yang berfaedah. Usaha-usaha permulaan yang nyata seperti projek baja urea dan perhubungan telekom telah dimulakan dan sektor swasta pula telah memajukan beberapa skim yang berguna dengan cara sendirinya atau melalui kerjasama antara mereka.

Di masa hadapan, kita sedia bekerjasama dan memberi bantuan kepada inisiatif ini untuk menghasilkan perubahan-perubahan yang lebih besar dan wajar, yang akan memberi kesan yang penting kepada kehidupan kita dalam tahun-tahun sembilan puluhan.

Kita perlu mewujudkan kerjasama ekonomi serantau seperti yang telah dicapai di peringkat politik. Begitu juga kita bersedia untuk membantu negara-negara lain, terutamanya negara-negara ASEAN, negara-negara kepulauan Pasifik serta negara-negara saudara Islam dengan menyumbangkan pengalaman kita dalam usaha pembangunan serta pengetahuan dan kepakaran kita.

Ini adalah satu cara untuk menunjukkan penghargaan kita terhadap bantuan-bantuan yang telah diberikan oleh negara-negara yang lebih maju dan berpengalaman kepada kita pada masa yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, dalam menyokong usul atas RME bagi kelulusan Dewan ini, saya dengan sesungguhnya percaya bahawa Rancangan ini:

- (i) boleh dilaksanakan dengan jayanya dan matlamat-matlamatnya dicapai dengan penuhnya;
- (ii) akan menghasilkan sambutan dan penyertaan rakyat dan sektor swasta seperti yang telah disaksikan dalam tempoh yang lalu;
- (iii) akan memperkukuhkan lagi bentuk ekonomi negara dan memulakan usaha-usaha yang lebih gigih dan tujuan yang satu untuk mencapai matlamat-matlamat dan mutu hidup yang lebih tinggi.

Pendekata, Rancangan ini ialah untuk kemajuan dan perpaduan negara yang akan diusahakan oleh semua rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memohon menyokong usul yang dikemukakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri (*Tepuk*).

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, usul atas nama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah disokong oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri ini akan terbuka untuk dibahaskan mulai pada hari Isnin, 30hb Mac, 1981.

PENANGGUHAN MESYUARAT

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (Tan Sri Ong Kee Hui): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

Bahawa menurut peruntukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Menteri Wilayah Persekutuan (Dr Sulaiman bin Haji Daud): Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Usul dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Diputuskan.

Bahawa menurut perubtukan Peraturan Mesyuarat 12 (1) Dewan ini hendaklah ditangguhkan sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan ditangguhkan hingga jam 2.30 petang, hari Isnin, 30hb Mac, 1981.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.36 petang.